

12 APR 1996

Muhyiddin - Akta

KERAJAAN KAJI HAD TEMPOH PEGANG JAWATAN PEMIMPIN SUKAN

LANGKAWI, 12 April (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menghadkan tempoh memegang jawatan dalam persatuan sukan kepada dua penggal, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini.

"Satu daripada kelemahan persatuan sukan disebabkan kepimpinan yang lemah dan memegang jawatan terlalu lama. Had tempoh jawatan mungkin jadi sebahagian daripada peruntukan dalam Akta Pembangunan Sukan yang sedang digubal," katanya.

Katanya, jika peraturan itu menjadi kenyataan, ia meliputi semua badan sukan termasuk Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan memberi jaminan pandangan persatuan sukan akan diambil kira sebelum dilaksanakan.

Ketika merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan di sini semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu daripada punca kemerosotan sukan di negara ini disebabkan pergeseran dalam persatuan sukan dan pemimpin yang terlalu lama memegang jawatan tapi tiada berwawasan.

Muhyiddin berkata beliau juga yakin persatuan-persatuan tidak akan mengubah perlembagaan mereka untuk menghadkan tempoh memegang jawatan.

Mengenai Akta Pembangunan Sukan, beliau berkata draf akta itu dijangka dibentangkan pada sidang parlimen akan datang.

Beliau memberi jaminan kerajaan tidak bercadang menggunakan akta berkenaan untuk campur tangan dalam hal ehwal persatuan sukan tetapi sebaliknya bertujuan melicinkan pembangunan sukan negara.

Katanya, akta itu membolehkan kerajaan menyelesaikan krisis yang berpanjangan dalam persatuan sukan yang bermasalah dan yang mungkin menjejaskan persiapan atlet untuk sesuatu kejohanan.

Mengenai sama ada kementerian akan menarik balik akta itu jika para peserta konvensyen di sini menolak kewujudannya, Muhyiddin berkata ia akan diteruskan.

Muhyiddin juga berkata beliau tidak bersetuju dengan cadangan agar Menteri belia dan Sukan menjadi "supreme" kerana berpendapar ia masih tananggungjawab pemimpin persatuan.

Yang perlu dilakukan ialah menentukan dengan betul peranan MOM dan Majlis Sukan Negara dan memastikan tidak berlaku pertindihan yang boleh membawa pertelingkahan, kata beliau. -- BERNAMA

AR FAZ